



CEMERLANG... Chew menerima anugerah tertinggi daripada Pengarah Kolej Sunway, Lee Weng Keng.

190 penuntut Kolej Sunway terima sijil, anugerah

SERAMAI 190 pelajar pelbagai jurusan menerima sijil kerja kursus dan anugerah masing-masing sempena Hari Penganugerahan Program Matrikulasi Australia, Kolej Sunway baru-baru ini.

Upacara itu bertujuan memberi pengiktirafan kepada pelajar yang mendapat purata markah tertinggi berdasarkan kerja kursus dan mereka yang memberi sumbangan dalam menjayakan aktiviti yang dikelolakan oleh pihak kolej.

Pengarahnya, Lee Weng Keng, berkata program matrikulasi Australia adalah program pra-universiti yang

perlu diikuti untuk melayakkan pelajar ke universiti tempatan dan kebanyakan universiti di United Kingdom, Kanada, New Zealand dan Amerika Syarikat.

Katanya, program ini bukan sahaja menyediakan pelajar yang berkebolehan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi tetapi juga melahirkan pelajar yang aktif dan serba boleh.

"Penganugerahan sijil ini menandakan mereka (pelajar) telah tamat membuat kerja kursus dan masih ada separuh markah yang perlu dipungut menerusi peperik-

saan akhir kelak.

"Sudah tiba masanya untuk pelajar membuat perubahan drastik dalam sistem pembelajaran masing-masing dan bijak menentukan hala tuju mereka dalam bidang pendidikan," katanya.

Selain itu, katanya, pengambilan bagi program matrikulasi ini dijalankan dua kali setahun iaitu pada bulan Januari dan Mac manakala pengambilan akan datang adalah pada 6 Januari depan.

Pada Hari Penganugerahan itu, dua pelajar menerima anugerah tertinggi iaitu Khoo Kay Loong (anugerah

kecemerlangan) dan Chew Chin Hong (Piala Pengetua).

Khoo Kay Loong yang menerima anugerah kecemerlangan keseluruhan turut menerima anugerah cemerlang bagi subjek Matematik Gunaan dan Sistem Maklumat selain mencapai purata tertinggi bagi kerja kursus.

Manakala Chew Chin Hong menerima Piala Pengetua bagi pencapaian cemerlang dalam subjek Ekonomi, bahasa Inggeris dan Kimia selain bergiat aktif dalam segala aktiviti anjuran pihak kolej.

This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.